



29 JUN, 2025

Rusia sedia bantu bangunkan teknologi tenaga nuklear

Sinar Harian, Malaysia



Rusia sedia bantu bangunkan teknologi tenaga nuklear

Pengalaman negara itu boleh dimanfaatkan Malaysia dalam memenuhi aspirasi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara

MOSCOW

Rusia menyatakan kesediaan dan bersetuju untuk terus bekerjasama dalam meningkatkan keupayaan Malaysia dari segi institusi, modal insan, teknikal, komersial dan perundangan bagi pembangunan teknologi tenaga nuklear negara, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Beliau berkata, pengalaman luas Rusia dalam bidang tenaga nuklear perlu diberikan perhatian untuk keterjaminan tenaga pada masa hadapan.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mengakhiri lawatan kerja beliau selama empat hari ke Rusia, beliau berkata, antara tujuan utama lawatan kerja itu adalah untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang tenaga.

Selain kerjasama sedia ada dalam pengimportan arang batu, Fadillah berkata, beliau dan Timbalan Perdana Menteri Rusia, Alexey Overchuk turut berbincang mengenai potensi kerjasama tenaga nuklear di antara kedua-dua negara.

"Rusia mempunyai teknologi tinggi dalam bidang penghasilan tenaga melalui teknologi nuklear secara aman. Pengalaman negara ini dalam teknologi tenaga nuklear boleh dimanfaatkan oleh Malaysia dalam memenuhi aspirasi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara," katanya.

Beliau turut mengadakan mesyuarat bersama Ketua Pengarah Rosatom, Alexey Likhachev pada Jumaat dengan perbincangan menyentuh aspek teknikal dan operasi termasuk perundangan serta pemindahan teknologi dan latihan tenaga kerja.



FOTO: BERNAMA

Fadillah (depan, kiri) sempat berswafoto bersama pelajar pada Majlis Ramah Mesra bersama rakyat Malaysia di Rusia pada Jumaat malam.

Menurutnya, secara prinsip, Kabinet telah meluluskan untuk mempertimbangkan nuklear sebagai antara campuran tenaga yang perlu diteroka oleh Malaysia.

"Ini untuk menangani kekangan bekalan tenaga yang kita hadapi pada masa ini. Pertama, kita cuba mengurangkan penggunaan tenaga daripada arang batu dan gas tetapi bekalan menjadi cabaran.

"Selain itu, kita juga hadapi kekangan dari segi kuasa hidro kerana sumber air terhad. Kini, di peringkat global, ramai melihat tenaga nuklear sebagai antara pilihan yang perlu dipertimbangkan," katanya.

Menurut Fadillah, kerajaan perlu membuat kajian mendalam mengenai teknologi nuklear terlebih dahulu, termasuk libat urus dengan orang ramai.

"Sokongan rakyat sangat penting. Proses ini perlu dilaksanakan bersama pelbagai Kementerian, agensi, dan badan bukan kerajaan untuk memberi penjelasan yang jelas. Ia hanya boleh diteruskan selepas perjanjian antarabangsa ditandatangani dan diterima oleh majoriti rakyat. Ini adalah langkah awal ke arah itu," katanya.

Sementara itu, Fadillah berkata, Malaysia dan Rusia akan meningkatkan

kerjasama ekonomi terutama dalam sektor berpotensi besar untuk diteroka termasuk industri halal, pertanian serta keterjaminan makanan.

"Saya juga telah menjemput syarikat-syarikat Rusia untuk melabur di Malaysia dan mengambil peluang daripada insentif yang ditawarkan kerajaan Malaysia dalam sektor strategik seperti industri angkasa lepas, teknologi pertanian, tenaga, teknologi maklumat dan komunikasi, ekonomi digital, kewangan Islam dan industri halal.

"Saya turut menyentuh mengenai kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi, dan saya turut merakamkan penghargaan kepada kerajaan Rusia atas biasiswa yang diberikan kepada pelajar Malaysia.

"Dalam hal ini, saya telah mencadangkan agar biasiswa berkenaan turut ditawarkan bagi sektor utama baharu muncul seperti kecerdasan buatan, data raya dan sains maklumat selari dengan transformasi industri masa kini," ujarnya.

Beliau turut menekankan mengenai kerjasama pelancongan, dengan Malaysia mengalu-alukan cadangan penerbangan terus di antara Malaysia dengan Rusia yang akan dimuktamadkan tidak lama lagi. - Bernama